

08/11/1998

Rundingan Malaysia, Bank Dunia ada kemajuan

KUALA LUMPUR: Ada kemajuan dalam rundingan antara Malaysia dan Bank Dunia mengenai baki pinjaman sebanyak AS\$700 juta (RM2.66 bilion) yang disokong oleh bank itu bagi membiayai program sosial di negara ini.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamad, berkata berdasarkan kepada beberapa perundingan antara kedua-dua pihak setakat ini, ada kemajuan dalam perkara itu.

"Kita menerima kunjungan pegawai Bank Dunia dalam tempoh dua hingga tiga bulan lalu, dan terdapat beberapa kemajuan. Kita sedang berusaha memutuskannya secara terperinci," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Kewangan dan Timbalan Bank Pusat Ketiga mengenai Rangka Kerja Manila (RKM), di sini semalam.

Sebelum ini, Bank Dunia menyokong permintaan Malaysia bagi mendapatkan pinjaman AS\$700 juta untuk program sosial dan pada Jun lalu bank itu melulus serta menyalurkan pinjaman sebanyak AS\$300 juta.

Berikutan langkah Malaysia melaksanakan peraturan kawalan mata wang bermula 1 September lalu, terdapat laporan mengatakan menanggungkan program pinjaman itu kepada Malaysia, bagaimanapun ia dinafikan Bank Dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengesahkan ada kelewatan dalam penyaluran baki pinjaman itu kerana Bank Dunia mahukan gambaran jelas mengenai langkah kawalan tukaran mata wang oleh Malaysia.

Mustapa berkata, beliau mengadakan pertemuan dengan Naib Presiden Bank Dunia, Jean-Michel Severino pagi semalam bagi membincangkan perkara itu (pinjaman Bank Dunia). Severino, berada di sini bagi mengetuai delegasi Bank Dunia ke persidangan dua hari RKM.

Selain Severino, turut menghadiri seminar itu ialah Timbalan Pengarah Urusan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), Stanley Fischer.

(END)